

KOD MALAYSIA MENGENAI PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

PINDAAN KEPADA NOTA AMALAN

Pindaan Nota Amalan 1.3

1. Nota Amalan (Jil. 42, No. 27, Tambahan No. 4, No. 13489), yang disebut "Nota Amalan ibu", dipinda dalam Nota Amalan 1.3 dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Seseorang yang bercadang atau dikehendaki untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan, atau berniat untuk memohon pengecualian daripada mana-mana peruntukan Kod, hendaklah mendapatkan nasihat daripada penasihat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam hal-hal korporat. Penasihat boleh termasuk bank saudagar, firma akauntan awam, firma guaman dan mana-mana pihak lain, tertakluk kepada budi bicara Suruhanjaya, yang menyediakan nasihat kepada pihak yang berkaitan berhubung permohonan kepada Suruhanjaya seperti yang diperlukan di bawah Kod. Jika seseorang pengambil atau mana-mana pihak bercadang membuat permohonan pengecualian daripada tawaran am mandatori di bawah Bahagian II Kod, ianya hendaklah mendapatkan nasihat daripada penasihat tersebut."

Pindaan Nota Amalan 1.4

2. Nota Amalan ibu dipinda dengan menggantikan Nota Amalan 1.4 dengan Nota Amalan yang berikut :

"Nota Amalan 1.4

Garis panduan am berhubung permohonan pengecualian daripada tawaran mandatori

(1) Berhubung dengan suatu permohonan pengecualian daripada membuat tawaran mandatori, perundingan bersama Suruhanjaya mungkin diperlukan. Jika demikian, perundingan hendaklah dibuat pada peringkat yang terawal.

(2) Permohonan bagi pengecualian hendaklah dikemukakan sebelum obligasi untuk membuat tawaran mandatori di bawah Bahagian II timbul."

Pindaan Nota Amalan 2.2

3. Nota Amalan 2.2 dipinda dengan menggantikan perenggan (1)(a) dengan perenggan yang berikut :

“(1) Bahagian II Kod hendaklah terpakai kepada seseorang yang berniat untuk mendapat atau telah mendapat kawalan dalam suatu entiti atasan yang :

(a) memegang atau berhak untuk menggunakan atau mengawal syer mengundi yang melebihi 33% dalam suatu entiti bawahan; dan”.

Pindaan Nota Amalan 2.3

4. Nota Amalan 2.3 dipinda dengan memasukkan sebelum subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika seseorang telah mengambil syer mengundi sesuatu syarikat tanpa pengetahuan pemegang syer yang lain atau pemegang syer yang potensi tetapi kemudiannya bersetuju untuk bersatu bersama pemegang syer yang lain sebagai satu kumpulan untuk mendapatkan atau menyatukan kawalan ke atas syarikat tersebut dan pemegangan syer mereka secara berkumpulan melebihi 33% syer mengundi syarikat tersebut, Bahagian II Kod pada amnya tidak akan terpakai. Berikutan dengan persetujuan seperti di atas, Bahagian II Kod akan terpakai sekiranya :

(a) jika pegangan yang digabungkan bagi kumpulan tersebut tidak melebihi 33%, mana-mana ahli dalam kumpulan tersebut mengambil syer mengundi yang meningkatkan pegangan kumpulan melebihi 33%; atau

(b) jika pegangan yang digabungkan bagi kumpulan tersebut melebihi 33% dan kurang daripada 50%, mana-mana ahli dalam kumpulan tersebut mengambil syer mengundi yang meningkatkan pegangan kumpulan melebihi 2% dalam mana-mana tempoh 6 bulan.”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.1

5. Nota Amalan 2.9.1 dipinda -

(a) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud perenggan (5)(a), “transaksi yang tidak melayakkan” adalah suatu transaksi di mana seseorang yang akan diperuntukkan sekuriti baru atau mana-mana kumpulan orang yang bertindak bersama-sama dengannya, telah membeli syer mengundi syarikat dalam tempoh 6 bulan sebelum pekeliling berkaitan dengan cadangan itu diposkan kepada pemegang syer mengundi tetapi selepas perundingan, perbicangan, persefahaman atau perjanjian dengan pengarah syarikat itu berkaitan dengan cadangan terbitan sekuriti baru, yang mana lebih singkat.”.

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (12)(f) perenggan yang berikut:

“(g) ianya hendaklah mengandungi kesemua maklumat dan kenyataan seperti yang diperlukan di bawah Jadual 2.”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.2

6. Nota Amalan 2.9.2 dipinda dengan menggantikan perenggan (2)(b) dengan perenggan yang berikut :

“(b) pemohon tersebut tidak mengambil sekuriti boleh-tukar berkenaan selain daripada melalui kelayakannya bagi terbitan hak, iaitu pegangannya hendaklah tidak termasuk sekuriti boleh-tukar yang diperolehi melalui pelepasan hak langganan oleh pemegang syer mengundi yang lain; dan”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.4.

7. Nota Amalan ibu dipinda dengan menggantikan Nota Amalan 2.9.4 dengan Nota Amalan yang berikut :

“Nota Amalan 2.9.4
Pengecualian yang timbul daripada pengambilan syer mengundi yang dicagarkan

- (1) Kategori orang yang berikut adalah tidak diperlukan untuk membuat tawaran di bawah Bahagian II Kod:
 - (a) sesuatu bank komersil berlesen, syarikat kewangan berlesen atau bank saudagar berlesen di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 atau peniaga berlesen yang memegang syer mengundi suatu syarikat sebagai cagaran untuk pinjaman; dan
 - (b) seseorang penerima atau penyelesaian apabila ianya mempunyai kuasa ke atas pegangan melebihi 33% suatu syarikat.

Walaupun, seorang pembeli dari orang yang disebut di atas adalah tertakluk kepada Bahagian II Kod.

- (2) Kecuali di bawah subseksyen (1), jika seseorang pemberi pinjaman berniat untuk membuat suatu aturan yang melibatkan pemindahan syer mengundi kepada dirinya sehingga ianya menjadi suatu penguatkuasaan cagaran tersebut, pemberi pinjaman tersebut akan mempunyai obligasi di bawah Bahagian II Kod dan boleh memohon untuk suatu pengecualian.
- (3) Suruhanjaya akan mempertimbangkan suatu permohonan di bawah subseksyen (2) untuk pengecualian jika kesemua kriteria berikut dipenuhi:
 - (a) syer mengundi tidak dicagarkan dalam keadaan di mana pemberi pinjaman mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa syer mengundi yang dicagarkan tersebut berkemungkinan besar akan diambilalih;
 - (b) pemberi pinjaman dapat meyakinkan Suruhanjaya bahawa pengambilalihan syer mengundi yang dicagarkan tersebut adalah perlu;
 - (c) pemberi pinjaman hendaklah memberi akujanji untuk menempatkan syer mengundi tersebut dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh pengambilalihan syer mengundi yang dicagarkan berkenaan, atau tempoh yang lebih lama yang mungkin ditetapkan oleh Suruhanjaya, bagi mengurangkan pegangan syer mengundinya kepada kurang daripada 33% dalam syarikat itu.

Walaupun, apa-apa pengecualian yang diberikan kepada pemberi pinjaman tersebut adalah tidak terpakai ke atas seorang pembeli yang mengambil syer mengundi yang berkaitan daripada pemberi pinjaman tersebut.

- (4) Dalam permohonan bagi pengecualian yang dibuat kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen 3, maklumat-maklumat berikut hendaklah dikemukakan:
- (a) tarikh cagaran diambil dan sebab-sebabnya;
 - (b) butir-butir syer mengundi yang dipegang sebagai cagaran;
 - (c) tarikh dan sebab bagi pengambilalihan syer mengundi yang dicagarkan;
 - (d) cadangan penempatan syer mengundi; dan
 - (e) butir-butir lain yang berkaitan bagi pertimbangan Suruhanjaya.”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.5

8. Nota Amalan 2.9.5 dipinda -

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut :

“(1) Seseorang boleh membuat permohonan bagi pengecualian daripada obligasi di bawah Bahagian II Kod di mana:

- (a) dalam penyusunan semula atau berikutan dengan pengambilan yang melibatkan terbitan sekuriti baru, seorang itu mendapat kawalan melebihi 33% syer mengundi sesuatu syarikat tetapi telah pun membuat perkiraan awal atau memberi akujanji bertulis untuk mengurangkan pegangannya dalam syer mengundi syarikat berkenaan kepada kurang daripada 33%; atau
- (b) syer mengundi suatu syarikat adalah ditajajamin dan syer mengundi ini, bersama dengan syer mengundi yang telah dipegang oleh penajajamin yang sama, membenarkan penajajamin tersebut untuk, memegang, mengambil atau berhak untuk memegang, atau berhak untuk menggunakan atau mengawal penggunaan, syer mengundi yang melebihi 33% syer mengundi syarikat.”.

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut :

“(2) Jika perenggan (1)(a) terpakai, Suruhanjaya akan mempertimbangkan permohonan bagi pengecualian apabila segala kriteria berikut dipenuhi:

(a) pengambilan yang menyebabkan pemohon itu membuat permohonan pengecualian di bawah Nota ini akan mengakibatkan pemohon itu mendapat kawalan dalam syarikat itu melalui terbitan sekuriti baru;

(b) sebelum cadangan itu dilaksanakan, perkiraan yang kukuh telah pun dibuat bagi penempatan syer mengundi ke suatu tahap yang kurang daripada 33% dalam syarikat itu. Perkiraan yang kukuh ini boleh berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

(i) cadangan tersebut adalah tertakluk kepada syarat bahawa syer mengundi berlebihan ditempatkan; atau

(ii) pemohon telah menandatangani perjanjian bagi penempatan syer mengundi syarikat tersebut; dan

(iii) penajajamin telah dilantik bagi menajajamin penempatan tersebut;

(c) Suruhanjaya boleh melepaskan daripada kehendak yang dinyatakan di bawah subperenggan (2)(b)(iii) di atas jika terdapat pengenalan pasti mengenai penempat bagi syer mengundi syarikat tersebut; dan

(d) pemohon yang memohon pengecualian di bawah Nota ini hendaklah membuat perakuan, melalui pengesahan bertulis kepada Suruhanajaya, bahawa pihak-pihak yang akan mengambil syer mengundinya berikutan daripada transaksi yang disebut dalam subseksyen (1) bukanlah pihak-pihak yang bertindak bersama-sama dengannya.”.

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

- “(4) Jika perenggan 1(b) terpakai, Suruhanjaya hanya akan mempertimbangkan pemberian pengecualian kepada penajajamin jika:
- (a) penajajaminan adalah dalam perjalanan biasa perniagaan penajajamin; dan
 - (b) penajajamin memberi pengesahan bertulis kepada Suruhanjaya untuk menempatkan syer mengundi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh pengecualian di bawah Nota ini diberikan atau tempoh yang lebih lama yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.7

9. Nota Amalan 2.9.7 dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut :

- “(1) Seseorang boleh membuat permohonan bagi pengecualian daripada obligasi di bawah Bahagian II Kod jika:
- (a) syer mengundi kumpulan yang bertindak bersama-sama melebihi 33% syer mengundi syarikat tersebut dan berikutan dari pengambilan syer mengundi yang dibuat di antara ahli-ahli kumpulan yang lain, satu atau lebih ahli kumpulan meningkatkan pegangan syer mengundi mereka melebihi 33%, atau sekiranya pegangan syer mengundi mereka melebihi 33% tetapi kurang dari 50%, pegangan mereka meningkat melebihi 2% dalam mana-mana tempoh 6 bulan;
 - (b) kumpulan yang bertindak bersama-sama memegang lebih daripada 50% syer mengundi suatu syarikat dan satu atau lebih ahli kumpulan tersebut mengambil syer mengundi sama ada daripada ahli kumpulan tersebut atau daripada luar kumpulan yang meningkatkan syer mengundi mereka melebihi 33%, atau jika mereka memegang lebih daripada 33% dan kurang daripada 50% syer mengundi, meningkatkan pegangan mereka melebihi 2% dalam mana-mana tempoh 6 bulan.”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.8

10. Nota Amalan 2.9.8 dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Semua pihak yang berkaitan adalah tertakluk kepada seksyen 7 dan 10 Kod sehingga skim pengambilan wajib di bawah seksyen 180 Akta Syarikat 1965 selesai dilaksanakan.”.

Pindaan Nota Amalan 2.9.10

11. Nota Amalan 2.9.10 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (11)(f) perenggan yang berikut :

“(g) ianya hendaklah mengandungi kesemua maklumat dan kenyataan seperti yang diperlukan di bawah Jadual 2.”.

Pindaan Nota Amalan 4.2

12. Nota Amalan ibu dipinda dengan menggantikan Nota Amalan 4.2 dengan Nota Amalan yang berikut :

“Nota Amalan 4.2

Seksyen 14 – Ulasan lembaga pengarah penerima tawaran tentang tawaran pengambilalihan

Berhubung dengan subseksyen 14(1) Kod, dalam kes sesuatu tawaran pengambilalihan yang merupakan pembelian oleh pengurusan atau dibuat oleh pemegang syer mengundi kawalan yang sedia ada, atau sekumpulan pemegang syer mengundi, lembaga pengarah penerima tawaran hendaklah melantik penasihat bebas untuk menasihati lembaga pengarah penerima tawaran dan pemegang syer mengundi secepat mungkin selepas ia mengetahui bahawa kemungkinan tawaran pengambilalihan akan dibuat.”.

Pindaan Nota Amalan 4.6

13. Nota Amalan 4.6 dipinda dengan menggantikan perenggan (2)(a) dengan perenggan yang berikut :

- “(2) Suruhanjaya akan mempertimbangkan permohonan tersebut jika:
- (a) tawaran pengambilalihan tidak disifatkan sebagai pengambilan yang ditentang;”.

Tambahan Nota Amalan 6.1

14. Nota Amalan ibu dipinda dengan memasukkan di bawah Bahagian VI, Tempoh Masa Bagi Tawaran, Nota Amalan seperti yang berikut :

“Nota Amalan 6.1

Seksyen 24 – Penutupan tawaran

- (1) Persetujuan di bawah subseksyen 24(4A) Kod boleh diberikan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan tajajamin tunai tawaran alternatif yang disediakan jika nilai tajajamin tunai alternatif adalah, pada masa pengumuman, lebih dari separuh daripada nilai maksimum tawaran.
- (2) Suruhanjaya tidak akan memberi persetujuan di bawah subseksyen 24(4A) Kod jika suatu tawaran persaingan telah diumumkan.”.